

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : NAIKTARAF INFRASTRUKTUR JALAN

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf jalan Kg Koskan ke Bandar Sungai Buaya (ft 1208) khususnya di selekoh berbahaya bukit benggali kerana terdapat banyak kali berlaku kemalangan melibatkan lori muatan berat dan motosikal?
- b) Apakah status Bukit Benggali tersebut?

JAWAPAN:

- a) Permohonan pelaksanaan projek menaiktaraf Jalan Kg. Koskan ke Bandar Sg. Buaya, Jalan Persekutuan FT1208 telah dimohon kepada Caw. Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dibawah RMKe-12 pada 10 Februari 2020. Penambahbaikan dari segi aspek keselamatan jalan akan dilaksanakan sekiranya permohonan projek tersebut diluluskan.
- b) Status tanah tersebut adalah pertanian dah hak milik inividu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KENAIKAN BIL AIR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah aduan berkenaan kenaikan bil air sehingga kini dan apakah penjelasan dari Air Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberi subsidi sebagai salah satu cara untuk mengurangkan beban kepada pemilik akaun Air Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah aduan kenaikan bil air Januari sehingga Mei 2020 adalah seperti berikut:

Bulan	Jan 20	Feb 20	Mac 20	Apr 20	Mei 20
Jumlah aduan	4,653	5,847	4,416	4,999	25,697

Kenaikan ketara jumlah aduan bil pada bulan Mei disebabkan peningkatan penggunaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 oleh para pengguna. Dalam tempoh PKP ini juga, Air Selangor tidak melaksanakan bacaan meter sehingga 1 Mei 2020 dan mengeluarkan bil anggaran sahaja.

Bacaan meter sebenar di premis pelanggan dilaksanakan semula pada 2 Mei 2020 dan menunjukkan peningkatan penggunaan. Walau bagaimanapun, Air Selangor telah membuat pelarasan semula bil air semasa PKP di dalam bil air bulan Jun dan Julai 2020 untuk membantu para pengguna menangani isu bil air tinggi berikutan kadar tarif bagi penggunaan di band ketiga telah dikenakan kepada pengguna yang menggunakan air melebihi 35 meter padu sebulan.

- b) Semenjak Jun 2008, Kerajaan Negeri telah memberikan subsidi melalui Program Air Percuma 20 meter padu kepada rakyat Negeri Selangor dalam membantu mengurangkan beban pengguna di Negeri Selangor. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua

penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor. Mulai pada 01 Mac 2020, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian subsidi ini melalui Program Skim Air Darul Ehsan (SADE) diberikan khusus kepada golongan sasaran dalam kumpulan berpendapatan di bawah RM4,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR JALAN PELABUHAN
KLANG**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat memberikan perincian bajet RM50 juta bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur jalan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan pada Sidang Bajet Parlimen 2020?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan jalan-jalan yang dibaikpulih menggunakan peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Perincian bajet RM 50 juta bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur jalan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan pada Sidang Bajet Parlimen 2020 adalah seperti Lampiran A.
- b) Senarai jalan yang dibaikpulih menggunakan peruntukan tersebut adalah seperti di Lampiran A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN TAPAK IWK YANG TIDAK TERPAKAI

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak tapak IWK yang tidak digunakan lagi selepas siap projek pembentungan Greater KL di kawasan Petaling Jaya yang ditumbuhi dengan lalang dan menjadi kacau ganggu kepada jiran. Apakah tindakan MBPJ dan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YAB Dato' Menteri Besar, pihak MBPJ dan Kerajaan Negeri perlu berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Bahagian Pengurusan Tanah bagi memastikan kerja-kerja pembersihan tapak akan dilaksanakan dengan berkala bagi memastikan kacauganggu kepada jiran dapat diatasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB) SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi tahunan bilangan program dan implikasi kewangan PWB Selangor sejak ia ditubuhkan (2014 - kini).
- b) Adakah cadangan penambahan peruntukan program PWB untuk masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Sepat, bagi tahun 2018, perjawatan Penyelia-penyelia PWB telah ditamatkan sebaik sahaja pembubaran DUN berlaku pada bulan April 2018. Pelantikan Penyelia PWB yang baharu hanya dapat dilaksanakan pada 1 September 2018, iaitu setelah melalui proses pemilihan dan temuduga. Justeru itu, laporan program-program yang akan saya bentangkan ini adalah program-program yang dijalankan bermula bulan September 2018 sehingga Jun 2020 sebagaimana berikut:

Tahun	Bilangan Program	Jumlah perbelanjaan
September – Disember 2018	479	RM877,483.75
Januari – Disember 2019	1319	RM2,617,205.68
Januari – Jun 2020	143	RM510,254.63

- b) Buat masa ini tiada cadangan penambahan peruntukan bagi Program Pusat Wanita Berdaya (PWB) untuk masa akan datang kerana berdasarkan laporan kewangan Pusat Wanita Berdaya (PWB) pada akhir tahun 2019, daripada sejumlah RM3juta yang telah diperuntukkan masih terdapat baki peruntukan yang tidak dibelanjakan. Justeru, pelaksanaan program-program Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor akan diteruskan menggunakan peruntukan sedia ada dengan membuat perbelanjaan secara berhemah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR USANG DI SELANGOR

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan tentang status terkini penggantian paip usang di bawah negeri Selangor, termasuk peratusan paip usang yang telah ditukar dan masih perlu ditukar bagi memastikan menghentikan gangguan bekalan air di bawah Selangor

JAWAPAN:

- a) Air Selangor telah dan sedang melaksanakan program tahunan bagi penggantian paip dari tahun 2016 sehingga 2020 melibatkan paip jenis Abestos Cement (AC) yang telah usang sepanjang 711 km dan panjang paip yang telah siap diganti sehingga Mei 2020 adalah sepanjang 294 km. Berdasarkan kepada statistik Air Selangor setakat 31 Mei 2020, masih terdapat 6,196 km paip jenis AC di dalam sistem agihan yang usang dan perlu diganti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERNIAGAAN PENJAJA

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas PKP terdapat ramai rakyat yang menglibat diri dalam perniagaan sebagai penjaja, apakah tindakan kerajaan untuk membantu golongan tersebut?
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk mengalok rakyat dalam penglibatan dalam perniagaan sebagai penjaja pada waktu kehilangan pekerjaan yang makin meningkat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KESIHATAN MENTAL

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan temu janji yang diatitkan melalui laman sesawang aturan Temu janji Perkhidmatan Kaunseling (e-psy) Negeri Selangor sejak bulan Januari 2020.
- b) Berapakah bilangan Sukarelawan Kaunselor yang telah berdaftar di Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)?

JAWAPAN:

- a) Bilangan Temujanji yang telah diatitkan melalui laman sesawang aturan Temujanji Perkhidmatan Kaunseling (E-Psy) bermula Januari adalah seramai **32 orang klien (6 lelaki, 26 perempuan)**

Bilangan keseluruhan klien yang mendapatkan khidmat kaunseling adalah seramai 155 orang, ini adalah jumlah klien yang hadir termasuk

- Sesi sukarela (temujanji melalui Panggilan Telefon, Whatsapp dan FB)
- Sesi sukarela (walk-in)
- Klien dirujuk
- Klien atas talian

Manakala jumlah keseluruhan sesi yang telah dijalankan bermula bulan Januari sehingga Jun 2020 adalah sebanyak **289 sesi**.

- b) Sehingga Jun 2020 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melantik seramai **32 orang Kaunselor secara sambilan** dan berkhidmat mengikut sistem penggiliran. Kesemua Kaunselor di Pusat Kaunseling Selangor **adalah Kaunselor Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : COVID-19

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria, kaedah dan proses yang digunakan oleh JAIS dalam menentukan masjid-masjid yang dibenarkan solat Jumaat semasa wabak COVID-19.

JAWAPAN:

- a) Kriteria dan proses yang digunakan oleh JAIS dalam menentukan masjid –masjid yang dibenarkan untuk mendirikan Solat Jumaat semasa wabak COVID-19 adalah hasil daripada penjelasan Jawatankuasa Khas covid-19 Peringkat Negeri Selangor yang terdiri daripada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Mufti Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang akan memberikan sembah taklimat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenaan situasi semasa berkaitan kedudukan dan data terkini wabak covid-19 yang bersidang 2 minggu sekali. Setelah mendapat perkenan dalam Majlis Sembah Maklum dan taklimat berkenaan yang dipengerusikan sendiri oleh D.Y.M.M Sultan Selangor, Perkenan serta titah Kenyataan Akhbar D.Y.M.M Sultan Selangor akan di keluarkan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENCEMARAN LONGKANG-LONGKANG DAN PARIT-PARIT DI
KAMPUNG**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Agensi manakah yang bertanggungjawab memantau kebersihan longkang-longkang dan parit-parit di kampung-kampung tradisi ?

JAWAPAN:

- a) Kebersihan dan penyelenggaraan longkang-longkang dan parit-parit di kampung-kampung tradisi secara umumnya adalah di bawah tanggungjawab dan pemantauan oleh Pejabat Daerah/ Tanah yang berkaitan.

Pejabat Daerah/ Tanah pula akan merujuk kepada agensi-agensi teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran atau Jabatan Kerja Raya bergantung kepada kes dan kedudukan sesuatu longkang serta parit seperti di atas tanah rizab JKR. Bagi kes-kes yang melibatkan pencemaran air pula adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Longkang dan parit yang terletak di atas tanah persendirian pula adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilik tanah untuk melaksanakan penyelenggaraan dan memastikan kebersihan longkang dan parit dijaga dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PERLINDUNGAN INSURAN ATAU PERKESO KEPADA PENJAWAT PKM

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan untuk memberi perlindungan insuran atau PERKESO kepada pejawat pusat khidmat masyarakat yang di lantik Dewan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KAD KISS DAN PEDULI SIHAT

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan ada bercadang untuk meningkatkan kuota penerima kad kiss dan peduli sihat memandangkan ramai rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid 19 ini?
- b) Adakah kerajaan berhasrat untuk melakukan penambahbaikan skim ini dari segi permohonan dan sebagainya?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Sebagai makluman ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2020 Kerajaan Negeri Selangor telah membuat penambahbaikan terhadap bilangan penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dengan menambah jumlah penerima kepada 25,000 orang berbanding 20,000 pada tahun 2019. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 27/2019 yang telah disahkan pada 2 Oktober 2019 yang lalu.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk memperluaskan lagi jenis barangan yang boleh dibeli oleh pemegang kad KISS untuk membolehkan mereka membeli barangan perlindungan diri seperti sarung tangan, pelitup muka (*face mask*), cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) di kedai atau pasaraya terpilih selain daripada pembelian barangan keperluan asas sedia ada. Ianya adalah sebagai persediaan dan keperluan asas dalam menguruskan kesihatan dan keselamatan ahli keluarga penerima Program KISS bagi menghadapi pasca Covid-19 ini.

Bagi Skim Peduli Sihat pula, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambahbaik Skim Peduli Sihat kepada Skim Insurans Peduli Sihat bermula April 2020 di mana Skim Insurans Peduli Sihat ini lebih komprehensif dengan manfaat perlindungan insurans asas kepada pemegang polisi. Penambahbaikan ini meliputi perlindungan asas insurans seperti berikut :-

- i. Rawatan kesihatan asas (rawatan pesakit luar);
- ii. Kematian atau hilang upaya kekal disebabkan kemalangan;
- iii. Khairat kematian;
- iv. Penyakit kritikal; dan
- v. Kematian atau hilang upaya kekal akibat penyakit/musibah.

Walaupun Skim Insurans Peduli Sihat ini baru mula diaktifkan pada April 2020, namun pemegang polisi layak menerima manfaat insurans asas bermula Januari 2020 dengan tempoh sah laku polisi sehingga Disember 2021 dan akan diperbaharui sekiranya pemegang polisi masih lagi memenuhi kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan.

Kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan adalah masih sama seperti skim terdahulu iaitu:

- i. Berpendapatan isi rumah sebanyak RM2000.00 dan ke bawah;
- ii. Mendapat Bantuan Sara Hidup (BSH) atau tersenarai di bawah program e-Kasih; dan
- iii. Kad aktif dalam tempoh dua (2) tahun.

(Sumber maklumat mengenai Skim Peduli Sihat dari Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), UPEN)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SANITASI RUMAH IBADAT

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan perkhidmatan sanitasi ke atas rumah-rumah ibadat di Selangor?
- b) Nyatakan prosedur dan langkah yang telah diambil kerajaan negeri dalam memastikan rumah ibadat bebas daripada wabak pandemik Covid-19?

JAWAPAN:

- a) Tidak . Proses sanitasi di masjid dan surau di Negeri Selangor masih lagi tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tetapi dilakukan oleh :-
 - i. Pegawai dan ahli jawatankuasa masjid serta surau secara berkumpulan berdasarkan langkah-langkah proses sanitasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
 - ii. Pihak syarikat swasta berpengalaman yang dilantik oleh masjid dan surau.
 - iii. Pihak swasta yang menawarkan khidmat sanitasi secara percuma (Program CSR)
- b) Langkah yang telah diambil Kerajaan Negeri bagi memastikan rumah ibadat bebas dari wabak Covid-19 :-
 - i. Menangguhkan sementara semua aktiviti solat fardhu berjemaah, Solat fardhu Jumaat dan kuliah dan aktiviti kemasyarakatan di masjid dan surau serta hanya membenarkan pegawai khas yang ditugaskan sahaja untuk hadir ke masjid dan surau
 - ii. Menangguhkan semua kerja-kerja baik bulih dan peyelenggaraan masjid dan surau yang tidak kritikal.
 - iii. Melaksanakan proses pencegahan (sanitasi) secara berkala
 - iv. Menguatkuasakan titah D.Y.M.M. Sultan Selangor dengan membuat pemantauan berkala dan mengambil tindakan undang-undang dibawah Seksyen 12(a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995

- v. Mengoperasikan semula masjid secara berperingkat bermula Solat Fardhu Jumaat dan Solat Fardhu Isyak, Maghrib dan subuh berjemaah bermula dari 12 orang, 40 Orang dan 150 orang.
- vi. Menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Fardhu Jumaat Dan Solat Fardhu Subuh , Maghrib dan Isyak berjemaah untuk dipatuhi oleh Pegawai dan jawatankuasa masjid serta jemaah yang akan hadir dan mempraktikkan normal baru kehidupan.
- vii. Menutup semula operasi masjid yang berada di zon merah atau kuning dengan serta merta walaupun telah mendapat kebenaran melaksanakan Solat Fardhu Jumaat dan Solat Fardhu berjemaah.
- viii. Pelaksanaan kawalan sendiri setiap Jemaah **wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah **dilarang sama sekali** untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.

Dengan pelaksanaan dan langkah-langkah yang di ambil ini telah menyebabkan wabak COVID-19 menunjukkan penurunan yang baik.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan peka terhadap kebajikan masyarakat yang ingin menjalankan aktiviti ibadah di rumah-rumah ibadat termasuk rumah ibadat selain Islam. Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kebenaran pembukaan semula Rumah Ibadat Selain Islam kepada orang awam telah dirangka oleh Selangor Task Force Covid-19 (STFC) pada Jun 2020 yang lalu dan SOP ini telah dibentangkan pada satu taklimat yang diadakan pada 18 Jun 2020 dan dihadiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ketua-ketua persatuan agama induk, jabatan-jabatan yang berkaitan serta pengamal media. Sebagai tambahan, SOP ini juga telah diedarkan kepada agensi di bawah kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Negeri Selangor (*JPNIN*), *Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor (MKN Selangor)* dan *Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Selangor (Polis Diraja Malaysia)* pada 30 Jun 2020 yang lalu.

SOP ini telah menetapkan kebenaran untuk hadir ke Rumah Ibadat Selain Islam dengan mengambil kira pengelasan peringkat umur serta tahap Kesihatan bagi individu yang dibenarkan hadir ke rumah ibadat. Selain itu, persiapan dari segi logistik dan kehadiran maksimum juga diambil kira di dalam SOP tersebut. Setiap rumah ibadat perlu mempunyai pegawai yang bertanggungjawab menjaga logistik dan mengawal arah laluan serta penjarakan sosial tempat duduk.

Selain itu juga, SOP tersebut telah menetapkan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan dilarang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini berjalan.

Rumah-rumah ibadat selain Islam juga disarankan untuk membuat penjejakan kontak melalui sistem SELangkah. Kod QR SELangkah ini perlu diletakkan di pintu masuk dan keluar yang mana akan membantu memudahkan penjejakan kontak sekiranya terdapat jangkitan Covid-19 di sesuatu lokaliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MEMBAIK PULIH JETI

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jeti nelayan yang berlesen dan tidak berlesen di seluruh Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) *Sub-soalan telah di tolak*
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 7/2020 yang bersidang pada 19 Februari 2020 telah meluluskan Caj Kebenaran Bertulis Pembinaan Jeti Pendaratan Ikan. Selaras dengan keputusan MMKN ini, Luas dalam tindakan untuk mengeluarkan lesen atau kebenaran bertulis selaras dengan Seksyen 43, Enakmen LUAS ke atas jeti nelayan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sama ada melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau melalui pihak Pejabat Tanah Galian Selangor.

Kebenaran bertulis akan dikeluarkan bagi 86 buah jeti di Bagan Sekinchan yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 19/2017 bertarikh 14 Jun 2017 dan 108 buah jeti di Bagan Sungai Besar yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 23/2019 bertarikh 14 Ogos 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sasaran % penggunaan pengangkutan awam yang ingin dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Sila bekalkan peta biru untuk menunjukkan cara bagaimana sasaran tersebut akan dicapai?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Kerajaan Negeri Selangor menyasarkan 60 peratus (60%) penggunaan pengangkutan awam berbanding 40 peratus (40%) penggunaan kenderaan persendirian menjelang tahun 2035 seperti yang terkandung di dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS). Sasaran tersebut juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai objektif ke arah 'Smart State' menjelang 2035.

Buat masa ini, pelan induk dan rancangan struktur seperti PIPANS, Rancangan Struktur Negeri (RSN) merupakan sumber rujukan yang boleh diguna pakai oleh pihak-pihak luar yang berkepentingan untuk merealisasikan saranan-saranan yang dinyatakan kerana kos bagi penyediaan pengangkutan awam amat tinggi dan perancangan ke arah tersebut juga memerlukan penglibatan pelbagai pihak khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan memandangkan sektor ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri sepenuhnya. Kemampuan penyediaan juga tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terhad diperuntukkan bagi pembangunan ekonomi yang lebih penting untuk diutamakan berbanding penyediaan pengangkutan awam yang memerlukan kos lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mengambil mudah akan isu dan keperluan semasa, namun saranan-saranan yang dinyatakan di dalam pelan induk

dan rancangan struktur sedia ada merupakan sumber rujukan penting untuk memastikan Negeri Selangor mempunyai lingkaran pengangkutan awam yang menyeluruh dan terhubung dengan baik serta berkesan untuk menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, integrasi laluan Bas Smart Selangor yang mempunyai kesalinghubungan (*connectivity*) dengan laluan dan perkhidmatan pengangkutan awam yang lain seperti komuter, MRT, LRT dan BRT telah memberi kesan kepada orang ramai serta mendorong mereka untuk menggunakan pengangkutan awam. Peningkatan jumlah penumpang Bas Smart Selangor dari tahun 2017 hingga 2019 telah menunjukkan sambutan dan kecenderungan rakyat dalam penggunaan pengangkutan awam yang disediakan. Ini berdasarkan trend peningkatan yang baik bagi tiga (3) tahun tersebut iaitu dari 10.65 juta pada tahun 2017 ke 14.43 juta pada tahun 2018 dan 15.61 juta pada tahun 2019, manakala statistik penumpang bagi tahun 2020 adalah sebanyak 3.8 juta (dari 1 Januari 2020 hingga 31 Mei 2020). Kapasiti penumpang pada tahun 2020 sedikit terjejas akibat penularan COVID-19 apabila perkhidmatan bas ini perlu ditangguhkan sementara waktu apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan dan langkah-langkah pencegahan seperti penjarakan sosial di dalam bas turut diperkenalkan apabila pengoperasian bermula pada 6 Mei 2020.

INFO RUJUKAN :

- Pecahan Statistik Penumpang Mengikut Tahun
 - (a) Tahun 2015 : 546,661
(01 Julai – 31 Disember 2015)
 - (b) Tahun 2016 : 4,1162,019
 - (c) Tahun 2017 : 10,653,827
 - (d) Tahun 2018 : 14,434,719
 - (e) Tahun 2019` : 15,612,196
 - (f) Tahun 2020 : 3,852,767
(01 Januari – 31 Mei 2020)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH KERAJAAN DI LOT 3 DAN TANAH JKR PEKAN
MERU**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan negeri akan mula merobohkan kedai di atas tanah kerajaan Lot 3 Pekan Meru?
- b) Apakah perancangan JKR Klang ke atas tanah mereka di hadapan dewan orang ramai MPK Pekan Meru dan bilakah tanah tersebut akan dibangunkan?

JAWAPAN:

- a) Lot 3, merupakan tanah Kerajaan Negeri yang menempatkan Balai Penghulu Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang. Pihak Pentadbir Tanah Klang telah menerima aduan dari orang ramai berhubung aktiviti pencerobohan tanah kerajaan terbabit. Pentadbir Tanah Klang juga telah mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965 kepada semua pemilik struktur untuk pemilik mengosongkan tapak.

Pada masa ini, pihak Majlis Perbandaran Klang sedang dalam penyediaan pelan pembangunan bagi Lot terbabit bagi menempatkan semula dan menyelesaikan isu penjaja di kawasan Meru.

Tindakan perobohan struktur kedai di tapak akan dilaksanakan setelah pelan pembangunan ini dimuktamadkan.

- b) Pihak JKR Klang mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah tersebut (Lot 5151) sebagai Pembangunan Bengkel Bersepadu dan Kwarters Kediaman serta kemudahan – kemudahan yang berkaitan. Perancangan pembangunan ini akan dilaksanakan selepas isu kedai dan kuil di atas tanah tersebut dapat diselesaikan dengan kerjasama pihak Pejabat Daerah dan Tanah Klang dan mendapat kelulusan dari pihak UPEN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : INSENTIF PENIAGA KECIL LUAR BANDAR

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bantuan yang disalurkan kepada para peniaga kecil yang terjejas akibat perintah kawalan pergerakan akibat covid-19?
- b) Nyatakan jenis bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri?
- c) Nyatakan jumlah penerima bantuan tersebut mengikut pecahan DUN di Selangor?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah meluluskan dua (2) jenis bantuan bagi membantu para penjaja/ peniaga kecil yang terjejas akibat perintah kawalan pergerakan akibat COVID-19 iaitu:

Pertama, pemberian insentif khas *one-off* sebanyak RM500 kepada penjaja/ peniaga kecil berlesen; dan

Kedua, pengecualian sewa kepada penyewa premis milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi bulan April dan Mei 2020.

Permohonan insentif khas *one-off* sebanyak RM500 kepada penjaja/ peniaga kecil berlesen telah dibuka bermula 8 April 2020 sehingga 7 Jun 2020 melalui sistem online di laman web www.selangorprihatin.com. Jumlah keseluruhan penerima yang diluluskan bantuan RM500 adalah sebanyak 22,884 orang bersamaan RM11.442 juta peruntukan yang disalurkan. Memandangkan data adalah melalui kawasan PBT dan bukan DUN, berikut adalah pecahan bilangan penerima mengikut kawasan PBT Negeri Selangor.

PBT	Penerima	(RM)
MB Shah Alam	3034	1,517,000.00
MB Petaling jaya	2913	1,456,500.00
MP Subang Jaya	2370	1,185,000.00
MP Klang	1961	980,500.00
MP Ampang Jaya	2863	1,431,500.00
MP Selayang	2544	1,272,000.00
MP Kajang	1987	993,500.00
MP Sepang	1021	510,500.00
MP Kuala Langat	1147	573,500.00
MD Hulu Selangor	918	459,000.00
MD Kuala Selangor	951	475,500.00
MD Sabak Bernam	1175	587,500.00
Jumlah	22,884	RM11,442,000.00

Bagi pengecualian sewa kepada penyewa premis milik PBT bagi bulan April dan Mei 2020, sebanyak 12,516 peniaga yang layak menerima insentif ini. Jumlah keseluruhan yang perlu ditanggung oleh PBT adalah sebanyak RM5 juta bersamaan RM2.78 juta sebulan. Memandangkan data ini juga adalah melalui kawasan PBT dan bukan DUN, berikut adalah pecahan bilangan peniaga mengikut kawasan PBT Negeri Selangor:

PBT	Premis Milik PBT Yang Disewa		
	Peniaga	April (RM)	Mei (RM)
MB Shah Alam	1,183	248,305.00	248,305.00
MB Petaling Jaya	2,875	305,724.00	305,724.00
MP Subang Jaya	947	123,982.00	701,445.00
MP Klang	1,524	701,445.00	357,859.00
MP Ampang Jaya	1,524	357,859.00	123,982.00
MP Selayang	270	42,740.00	176,730.00
MP Kajang	623	176,730.00	470,165.00
MP Sepang	1,723	470,165.00	42,740.00
MP Kuala Langat	423	71,020.00	71,020.00
MD Hulu Selangor	404	70,320.00	70,320.00
MD Kuala Selangor	608	133,885.00	133,885.00
MD Sabak Bernam	412	82,416.00	82,416.00
JUMLAH	12,516	RM2,784,591.00	RM2,784,591.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERKAHWINAN BAWAH UMUR

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan perkahwinan bawah umur yang didaftarkan sejak pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) dan Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menjamin perlindungan dan pendidikan terhadap kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur?

JAWAPAN:

- a) Pindaan EUUKIS 2003 (pindaan 2018) berkaitan hak minima berkahwin telah dikuatkuasakan pada 18 Mac 2019. Oleh itu, bilangan perkahwinan bawah umur yang didaftarkan sejak pindaan enakmen tersebut adalah **sebanyak 69 kes**.
- b) Jaminan perlindungan dan pendidikan kepada pasangan bernikah bawah umur telah dibuat melalui peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (pindaan 2018) dan mana-mana peruntukan yang berkaitan di Negeri Selangor. Permohonan berkahwin bawah umur di Mahkamah Syariah dimulakan dengan permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya dan juga affidavit bakal isteri kepada lelaki itu atau bakal suami kepada penjaga. Mahkamah akan menjalankan siasatan sebelum membuat keputusan dengan mangambil kira kebajikan lelaki atau perempuan dan berpuas hati perkahwinan itu adalah patut dan perlu serta tidak akan menyebabkan kemudaratan kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun dari segala aspek termasuk berkaitan perlindungan dan pendidikan . Pihak berkaitan seperti JAIS, LZS, JAKESS , JKM dan lain-lain di Negeri Selangor bersedia dan telah menyediakan perkhidmatan sokongan bagi bantuan kebajikan serta pendidikan jika menerima sebarang aduan dari pasangan yang telah berkahwin di bawah umur. Sebagai contoh, JAIS menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat percuma, kursus dan seminar berkaitan kekeluargaan. Bantuan LZS juga boleh diperolehi jika pasangan tersebut layak menerima bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PELANCONGAN INDUSTRI

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan atau insentif yang boleh disalurkan kepada pihak-pihak yang berniat untuk membangunkan pelancongan perindustrian terutamanya di kawasan Balakong?

JAWAPAN:

- a) Kebiasaannya mana-mana kawasan pelancongan di bawah pentadbiran MPKj yang mempunyai kelulusan yang sah untuk beroperasi, pihak MPKj akan membantu dari segi mempromosikan kawasan tersebut samada melalui risalah, laman sesawang MPKj atau menjalankan apa-apa aktiviti yang bersesuaian dengan promosi pelancongan.

Bantuan atau insentif yang boleh disalurkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk membangunkan pelancongan industri adalah seperti berikut:

- 1) Membantu menjayakan promosi industri pelancongan berdasarkan sumber ekonomi daya kawasan setempat.
- 2) Membantu penguasaha kilang untuk mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3) Memastikan program pembangunan seperti infrastruktur dilaksanakan untuk menarik dan memenuhi kehendak pelabur.
- 4) Mewujudkan pusat informasi yang berfungsi sebagai tempat rujukan bagi para pelabur mendapatkan maklumat serta khidmat nasihat.
- 5) Menggalakkan penguasaha kilang terbabit terlibat dengan program pelancongan perindustrian.
- 6) Membantu para pelabur berkaitan hal-hal perusahaan mereka dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MENAIK TARAF JALAN

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan Selayang ke Rawang dari 2 lorong ke 3 lorong dan menerangi jalan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jalan dari Selayang ke Rawang adalah Jalan Persekutuan FT3209. Pelaksanaan projek tersebut telah diluluskan oleh Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 1 November 2019. Status terkini projek adalah dalam peringkat perolehan dan dijangka tender pada Januari 2021.